37.	19/03/2020	Kawasan Kediaman	Tiga (3) orang awam di mana satu (1) maut dan dua (2) cedera terkena renjatan elektrik daripada <i>waterjet</i> yang penebat kabelnya terdedah dan menyentuh kerangka besi <i>waterjet</i> tersebut menyebabkan seluruh kerangka tersebut bertenaga sehingga ke hos <i>waterjet</i> ketika sedang mencuci jentera berat di belakang rumah.	Kecacatan pada kelengkapan elektrik.
38.	11/03/2020	Kawasan Kediaman	Orang awam (bukan warganegara) maut terkena renjatan elektrik ketika sedang melakukan kerja-kerja pemotongan besi bumbung menggunakan <i>grinder</i> di tapak pembinaan rumah kerana tersentuh terminal pengalir di dalam soket <i>outlet extension</i> yang telah pecah dan terdedah. Pemutus Litar Bocor ke Bumi (PLBK) yang digunakan adalah tinggi (500mA) iaitu tidak mengikut kepekaan yang telah ditetapkan.	Pemasangan / senggaraan tidak sempurna.


No.	Tarikh	Lokasi	Ringkasan	Punca
39.	10/03/2020	Premis Swasta (Komersial)	Pekerja kontraktor maut terkena renjatan elektrik apabila tersentuh <i>bracket</i> lampu semasa membuat persiapan untuk kerja-kerja penukaran lampu HPSV kepada LED.	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi.
40.	18/02/2020	Talian Atas Voltan Rendah	Orang awam yang sedang mengait buah kelapa sawit cedera terkena percikan arka apabila galah yang digunakan tersentuh sesalur kabel talian atas.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik.
41.	08/02/2020	Kawasan Kampung	Orang awam maut terkena renjatan elektrik daripada rod aluminium yang digunakan semasa menangkap ikan menggunakan janakuasa.	Salahguna sistem pendawaian untuk memancing ikan.
42.	31/01/2020	Talian Atas Voltan Tinggi	Orang awam cedera terkena percikan arka apabila <i>bucket</i> lori yang diangkat untuk kerja pembaikan lori terkena talian atas 33kV.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik.
43.	27/01/2020	Talian Atas Voltan Tinggi	Orang awam cedera terkena percikan arka apabila galah penyangkut burung yang digunakan berada terlalu hampir dengan talian atas 33kV.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik.
44.	15/01/2020	Premis Swasta (Komersial)	Dua (2) pekerja kontraktor cedera terkena percikan arka semasa sedang melaksanakan kerja-kerja pengalihan kabel di atas panel busbar.	Pemasangan / senggaraan tidak sempurna
45.	03/01/2020	Kawasan Kampung	Kanak-kanak maut terkena renjatan elektrik daripada sambungan elektrik haram tanpa penebat dalam longkang berair semasa sedang bermain.	Pemasangan / senggaraan tidak sempurna.

Kemalangan Elektrik Maut di Tempat Awam

Tarikh dan Masa	22 Julai 2020, jam 1.14 petang
Lokasi	Petaling Jaya, Selangor
Bilangan Mangsa	Satu (1) mangsa maut
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Tidak diketahui
Jenis Pemasangan Elektrik	Tiga (3) Fasa- Kabel Voltan Rendah
Ringkasan Kes	- Aduan telah diterima daripada Ketua Jurutera Projek Lebuhraya pada 24 Julai 2020 lebih kurang jam 8.50 pagi melalui e-mel. - Kejadian penemuan mayat seorang lelaki lengkap berpakaian berlaku pada 22 Julai 2020 lebih kurang jam 1.14 petang di Lebuhraya Utara Selatan. Mangsa dijumpai ketika seorang kakitangan yang sedang membuat pemeriksaan dan pengukuran kabel yang hilang bagi tujuan sebutharga di kawasan sekitar Persimpangan Bukit Lanjan. Ini kerana terdapat kes kecurian kabel berlaku di lokasi tersebut.
Punca Kemalangan	- Daripada hasil siasatan yang dijalankan, mangsa dipercayai meninggal dunia semasa cubaan mencuri kabel. - Ini adalah berdasarkan kepada penemuan kesan potongan pada kabel kotak agihan utama (LV/FP/HMBKL) ke kotak agihan lampu limpah (FP/BKL2) berhampiran dengan tempat mangsa dijumpai. - Ujian yang dibuat ke atas kabel tersebut mendapati kabel berada dalam keadaan bertenaga ketika mangsa dijumpai dan mangsa disyaki terkena renjatan semasa sedang memotong kabel tersebut.
Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan	Pihak yang terlibat perlu sentiasa membuat pemantauan yang lebih kerap terhadap pemasangan yang dimiliki terutamanya di kawasan yang selalu berlaku kecurian. Selain itu, pihak PLUS juga diingatkan supaya sentiasa memastikan semua pemasangan di bawah kendaliannya sentiasa berada dalam keadaan selamat.



Gambar 12.1: Keadaan paip *Galvanised Iron* berhampiran tempat mangsa dijumpai.



Gambar 12.2: Hujung kabel yang dipercayai telah dipotong masih bertenaga apabila diuji.

Ringkasan Beberapa Kes Kemalangan Elektrik 2020

Kemalangan Elektrik Maut di Premis Kediaman

Tarikh dan Masa	20 Okt 2020, jam 2.45 petang
Lokasi	Jasin, Melaka
Bilangan Mangsa	Satu (1) mangsa maut
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Tiada
Jenis Pepasangan Elektrik	Satu (1) Fasa, 230V
Ringkasan Kes	Mangsa maut terkena renjatan elektrik apabila mangsa secara tiba-tiba masuk ke bahagian kaki lima rumah sebaik sahaja kebakaran berjaya dipadamkan oleh pihak bomba. Wayar servis TNB dari tiang rumah mangsa ke meter telah kendur di paras dada dan sebahagian penebat wayar servis telah cair akibat kebakaran.
Punca Kemalangan	- Tindakan mangsa masuk ke dalam premis kediaman di bahagian kaki lima di mana kawasan tersebut adalah berisiko tinggi berikutan bekalan TNB masih belum diputuskan dan aktiviti pemadaman kebakaran masih belum selesai sepenuhnya. - Premis kediaman di bahagian kaki lima yang basah menyebabkan mangsa lebih mudah terkena renjatan elektrik. - Kesan <i>entry wound</i> yang ditemui pada jari kanan mangsa, disyaki terkena renjatan elektrik akibat tersentuh wayar servis TNB yang terdedah (tiada penebat) atau bahagian besi yang berkemungkinan terdapat kebocoran arus elektrik dari wayar servis TNB.
Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan	ST mengadakan promosi keselamatan elektrik dan kesedaran menyeluruh kepada pengguna mengenai kebahayaannya elektrik.

Warga emas maut terkena renjatan elektrik

<https://www.kosmo.my/2021/03/21/warga-emas-maut-terkena-renjatan-elektrik/>

JASIN – Seorang lelaki warga emas maut selepas terkena renjatan elektrik dalam kejadian kebakaran rumahnya di Kampung Lumbang Chinchin, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.10 petang itu, mangsa Lee Pu Sing, 70, disahkan meninggal dunia sebaik sahaja sampai di Unit Resas di Hospital Jasin untuk mendapatkan rawatan.

Ketua Polis Daerah Jasin Deputy Superintendan Mispani Hamdan berkata, kejadian dipercayai berlaku selepas mangsa tiba-tiba masuk ke dalam rumahnya sebaik sahaja kebakaran berjaya dipadamkan oleh pasukan bomba.

"Mangsa dikatakan telah masuk ke dalam rumah tersebut untuk melihat barang-barangnya, namun lelaki itu telah terjatuh dilantai dan dipercayai terkena renjatan elektrik.

"Pasukan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) bomba yang berada dilokasi kemudian memberi bantuan keemasan resusitasi kardiopulmonari (CPR) kepada mangsa dan membawanya ke Hospital Jasin," katanya.

Tambahnya, mangsa bagaimanapun disahkan meninggal dunia kira-kira 40 minit kemudian sebaik sahaja tiba di Unit Resas.

"Mayat mangsa telah di hantar ke Jabatan Forensik untuk bedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian.

"Setakat ini kes dilastrifikasikan sebagai mati mengejut," katanya. -KJ ONLINE

Gambar 12.3: Keratan Artikel Kosmo Online berkaitan kes kemalangan.



Gambar 12.4: Lakaran laluan wayar servis TNB ke meter rumah mangsa dari tiang elektrik TNB.

Kemalangan Elektrik Tidak Maut di Talian Atas Voltan Tinggi

Tarikh dan Masa	8 Ogos 2020, jam 1.00 petang
Lokasi	Jalan Nosoob Hungab, Penampang
Bilangan Mangsa	Satu (1) mangsa cedera
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Pekerja Kontraktor Pemasangan Unifi
Jenis Pepasangan Elektrik	Talian Atas 11kV (AAC)
Ringkasan Kes	Kemalangan berlaku semasa mangsa sedang mengikat dawai kabel <i>fibre optic</i> untuk pemasangan khidmat komunikasi di tiang TM. Semasa berehat di atas tangga, mangsa merasakan dirinya akan jatuh dari tangga dan dengan pantasnya tangan kiri mangsa telah terpegang satu (1) kabel talian atas 11KV yang tidak bersalut kepunyaan SESB yang berhampiran dengan tiang TM, lalu menyebabkan mangsa terkena renjatan elektrik.
Punca Kemalangan	- Kerja-kerja pemasangan <i>fibre optic</i> yang terlalu hampir dengan talian voltan tinggi 11kV jenis <i>bare wire</i> milik SESB dan juga kerja-kerja dijalankan tanpa mendapat kebenaran daripada pihak SESB. - Tiada pemantauan daripada orang kompeten atau penyelia terutamanya apabila mangsa berada di atas tangga berhampiran dengan talian atas voltan tinggi 11kV SESB untuk mengikat dawai <i>fibre optic</i> pada tiang TM. - Mangsa tidak menggunakan <i>harness</i> sepenuhnya semasa berdiri di atas tangga menyebabkan mudah kehilanganimbangan badan.
Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan	Merancang untuk mengadakan sesi taklimat keselamatan elektrik untuk semua kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja pemasangan kabel <i>fibre optic</i> dengan kerjasama pihak Telekom dan SESB.



Gambar 12.5: Gambaran dari bawah tiang TM dan Tiang SESB.



Gambar 12.6: Kecelakaan yang dialami oleh mangsa.

Ringkasan Kes Kemalangan Elektrik 2020

Kemalangan Elektrik Maut di Taman Rekreasi Awam

Tarikh dan Masa	29 Ogos 2020, lebih kurang jam 2.45 petang
Lokasi	Taman Impian Emas, Johor
Bilangan Mangsa	Satu (1) mangsa maut
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Pelajar Sekolah
Jenis Pemasangan Elektrik	0.4kV
Ringkasan Kes	Kejadian kemalangan maut melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan (9) tahun di taman permainan kanak-kanak, Taman Impian Emas, Skudai, Johor. Mangsa disyaki terkena renjatan elektrik pada tiang lampu yang terletak di dalam kawasan salah satu (1) taman permainan kanak-kanak di kawasan tersebut ketika menyertai aktiviti anjuran sebuah Agensi Kerajaan.
Punca Kemalangan	- Pengujian yang dibuat pada kabel bawah tanah bagi pemasangan lampu di lokasi kejadian didapati terdapat kebocoran arus pada sistem pemasangan lampu awam tersebut. - Sistem pemasangan lampu awam tersebut tidak dilengkapi dengan alat perlindungan arus bocor ke bumi. - Kebocoran arus yang dikesan melalui pengujian terhadap kabel bawah tanah pemasangan lampu awam, bocor ke bahagian BRC (<i>reinforced concrete</i>) di mana lokasi mangsa berada ketika terkena renjatan elektrik. - Sistem pemasangan lampu awam tersebut bertenaga disebabkan litar tersebut telah dipintaskan bagi memberi bekalan elektrik kepada acara yang diadakan pada hari kejadian.
Cadangan Untuk Mengelakkan Kemalangan	- Pemeriksaan secara berkala oleh orang kompeten dan senggaraan berjadual perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab bagi memastikan sistem pemasangan elektrik berada dalam selamat untuk beroperasi dan dikendalikan. - Memastikan sistem/alat perlindungan bagi pemasangan elektrik dipasang dan beroperasi dengan baik.



Gambar 12.7: Lokasi kejadian kemalangan berhampiran tiang lampu di dalam taman permainan Laman Komuniti, Taman Impian Emas.



Gambar 12.8: Lokasi dimana kabel bawah tanah ditemui.



13

INISIATIF MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN ELEKTRIK

Mesyuarat Jawatankuasa Mitigasi (MJM) Kes-Kes Kemalangan Elektrik Melibatkan Pemasangan Milik Utiliti (TNB dan SESB) (Bil 1/2020)

Hasil daripada analisa kes-kes kemalangan elektrik yang dijalankan, didapati sebanyak 55% kes kemalangan elektrik adalah melibatkan pemasangan pihak utiliti. Bagi mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan keselamatan dalam industri pembekalan elektrik serta pengguna elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik bersama Pihak Utiliti (TNB dan SESB) sejak 2018 untuk memantau dan membincangkan isu-isu kritikal kemalangan melibatkan pemasangan utiliti.

Menerusi mesyuarat berkala (tiga (3) bulan sekali) yang diadakan ini, ST ingin memastikan pemasangan elektrik sentiasa dalam keadaan selamat dan tidak membahayakan pekerja utiliti, kontraktor serta orang awam. Sepanjang 2020, sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

Bil. Mesyuarat	Tarikh
Bil. 01/2020	22 Januari 2020
Bil. 02/2020	2 Julai 2020
Bil. 03/2020	21 Oktober 2020 dan 3 November 2020
Bil. 04/2020	8 Disember 2020



Gambar 13.1: Mesyuarat Bil. 01/2020: Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik bersama Pihak Utiliti di Pejabat Kawasan ST Kota Kinabalu, Sabah.

Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Elektrik Bagi Pepasangan-Pemasangan Elektrik di Malaysia

ST telah menjalankan audit pengurusan keselamatan elektrik sejak 2016. Pada 2020, sebanyak 143 premis telah diaudit di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah. Premis yang diaudit merangkumi kilang, hotel, hospital, pusat membeli-belah, institusi pengajian tinggi / sekolah dan lain-lain.

AKTIVITI	BILANGAN AUDIT	BILANGAN NOTIS DIKELUARKAN	KETERANGAN KESALAHAN
Audit Penjana Utiliti	48	25	Kesalahan kerana ketidakpatuhan terhadap ABE 1990 dan PPE 1994.
Audit Penghantar Utiliti	1	0	Kesalahan kerana ketidakpatuhan terhadap ABE 1990 dan PPE 1994.
Audit Pengagih Elektrik dan Gas	18	4	Kesalahan kerana ketidakpatuhan terhadap ABE 1990 dan PPE 1994.
Audit Pengguna Berkapasiti Tinggi Elektrik dan Gas	76	27	Kesalahan kerana ketidakpatuhan terhadap ABE 1990 dan PPE 1994.

Antara penemuan audit sewaktu pemeriksaan termasuk:

- Gambar rajah litar yang tidak dikemaskini atau tidak dipamer di bilik suis seperti keperluan peruntukan Peraturan 19 (1) (b), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
- *Authorised Person (AP)* yang bertugas pada hari tersebut tidak mempunyai perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh ST dan menandatangani PTW.
- Alat uji yang digunakan telah tamat tempoh *calibration*.
- Terdapat *protection relay* di *Control Room* di mana tiada pelekat *calibration* relay dan tidak ditentu ukur.
- Orang kompeten kontraktor yang menjalankan kerja elektrik tidak berdaftar atau berdaftar di syarikat yang berlainan.
- Tiada Notis “DILARANG MASUK” dan Notis “BAHAYA” dipamerkan di pintu masuk bilik suis seperti keperluan P38, PPE.
- Tiada *CPR Chart* seperti keperluan P39, PPE.



Gambar 13.2: Lawatan Pemeriksaan Aktiviti Penyelenggaraan SESB di Inanam, Sabah.

Bengkel Penambahbaikan Panduan Pendawaian Elektrik di Bangunan Kediaman

Pada 4 dan 5 Ogos 2020, bengkel anjuran ST telah diadakan untuk membincangkan secara komprehensif kandungan Panduan Pendawaian Elektrik di Bangunan Kediaman serta mengambil kira maklum balas cadangan penambahbaikan panduan oleh pelbagai pihak industri.

Antara pihak industri yang terlibat termasuk JKR, *IEM*, *The Electrical and Electronics Association of Malaysia (TEEAM)*, Pengerusi *Technical Committee on Low Voltage (LV) Switchgear, Control Gear and Wiring Accessories / Direct Current (DC)*, *Malaysia Cable Manufacturers Association (MCMA)* dan pihak industri lain.

Bengkel ini secara khasnya bertujuan membantu proses pengemaskinian kandungan panduan ini selaras dengan perkembangan industri, teknologi semasa dan standard-standard yang terkini bagi mencapai peningkatan kawal selia keselamatan elektrik yang lebih baik



Gambar 13.3: Bengkel penambahbaikan panduan pendawaian elektrik di bangunan kediaman.


Pembatalan Perakuan Kelulusan (CoA) Yang Gagal Ujian Konsainmen SIRIM

Pada 2020, kes gagal ujian konsainmen SIRIM telah melibatkan seramai 83 pengimport.

BATCH	BIL. COA DIBATALKAN	BULAN	JUMLAH PENGIMPORT
1	34	September 2016	16
2	158	Disember 2016	44
3	132	Februari 2017	22
4	126	Mac 2017	26
5	138	April 2017	27
6	56	Mei 2017	16
7	48	Julai 2017	19
8	51	September 2017	17
9	34	November 2017	19
10	39	Disember 2017	11
11	10	Januari 2018	3
12	15	Februari 2018	6
13	10	Mac 2018	6
14	27	April 2018	16
15	44	Jun 2018	18
16	9	Julai 2018	5
17	17	November 2018	9
18	22	Januari 2020	15
19	8	Januari 2020	6
1-2020	129	Ogos 2020	54
2-2020	13	Ogos 2020	8
JUMLAH	1,120		363


Walau bagaimanapun, pembatalan CoA dihentikan sementara pada 2019 untuk memberikan laluan kepada ST untuk memberi penumpuan terhadap penambahbaikan kepada prosedur pembatalan perakuan pada tahun tersebut.

Rajah 13.1: Jumlah Perakuan Kelulusan (CoA) Dibatalkan, 2016-2020



Jumlah pengimport yang terlibat juga menunjukkan penurunan sebanyak 59.87% berbanding 2017. Pada 2020, kes gagal ujian konsainmen SIRIM telah melibatkan seramai 83 pengimport.

Rajah 13.2: Jumlah Pengimport Terlibat, 2016-2020



Selepas notis pembatalan CoA diserahkan kepada syarikat pengimport, di antara maklum balas yang diterima oleh ST ialah pengimport telah mengambil tindakan menghantar pulang ke negara asal dan ada juga yang melupuskan kelengkapan yang gagal konsainmen tersebut. Seperti tahun sebelum ini, aktiviti-aktiviti melupus atau memusnah kelengkapan telah disaksikan oleh ST bagi mengesahkan kelengkapan tersebut tidak dijual terus ke pasaran.

Berikut adalah di antara sebab-sebab kegagalan ujian konsainmen SIRIM:

1

Kandungan Laporan Ujian (TR) diubah mengikut kepentingan pemohon berkaitan dengan produk yang dipohon.

2

Kes sampel yang diperiksa dan diuji oleh konsainmen SIRIM berlainan daripada produk rujukan dalam TR.

3

Produk daripada *batch* berlainan, mempunyai rupa bentuk dan reka bentuk yang berlainan meskipun tetap mempunyai jenama dan model yang sama seperti yang dipohon sebelumnya.

4

Penandaan pada plet nama atau label produk tidak memenuhi keperluan syarat penandaan dan amaran. Ini kerana label baharu dibuat untuk mengubah nama jenama dan model sedangkan mereka tidak memberi perhatian atau tidak berpengetahuan dalam keperluan syarat tersebut.

5

Instruction manual tidak memenuhi syarat penandaan dan amaran kerana manual penggunaan dibuat baharu atau dibuat sendiri untuk mengubah nama jenama dan model.

6

Kapasiti dan kadaran pada plet nama berlainan daripada yang telah diluluskan pada plet nama asal dalam TR.

7

Komponen kritikal berlainan daripada yang tersenarai dalam TR.

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan ST 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan diadakan bertujuan untuk membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan, prosedur, dasar atau polisi peperiksaan kekompetenan. Sepanjang 2020, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak empat (4) kali dan dipengerusikan oleh ST.

Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Kekompetenan

Bengkel Penggubalan Soalan telah diadakan untuk menyemak dan mengemaskini soalan-soalan Peperiksaan Teori Kekompetenan bagi kategori Penjaga Jentera pada setiap tahun. Melalui bengkel ini, mutu soalan yang dikeluarkan ST dapat dipertingkatkan sesuai dengan teknologi terkini. Bengkel ini telah diadakan dari 9 hingga 12 Mac 2020 di Melaka.



Gambar 13.5: Panel bagi Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Kekompetenan Sesi 2020.



14

AKTIVITI MENINGKATKAN KESEDARAN, USAHASAMA DAN AMALAN BAIK

Jadual 14.1: Senarai Program Touchpoint yang telah Dilaksanakan oleh Pejabat Kawasan ST, 2020

BIL.	LOKASI PROGRAM TOUCH POINT	KERJA-KERJA
1.	Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia, Semenyih, Selangor	Pendawaian baharu, penambahan lampu, soket alir keluar dan tukar kelengkapan elektrik jimat tenaga.
2.	Sek Men Agama Majlis Ulu Cheka, Jerantut, Pahang	Pendawaian baharu, pembaikan pendawaian, penambahan kipas, lampu.
3.	Maahad Tahfiz Daril Naim, Kg Kubang Bonggor, Melor, Kota Bharu, Kelantan	Pendawaian baharu, penambahan soket alir keluar.
4.	Surau Madrasah Nurul Iman, Bahau, Negeri Sembilan	Menaik taraf papan agihan, menambah soket alir keluar, point aircond dan menggantikan kelengkapan elektrik uzur.
5.	Pusat Pembangunan Kanak-Kanak Kg. Hobut, Matunggong, Kudat, Sabah	Menambah baik sistem pendawaian elektrik dan penggantian kelengkapan elektrik uzur.
6.	Pusat Pembangunan Kanak-Kanak Kg. Kalang Kaman, Pulau Banggi, Kudat, Sabah	Menyediakan pendawaian baharu dan membantu dalam permohonan mendapatkan bekalan elektrik.
7.	Empat (4) buah rumah yang didiami orang kurang berkemampuan di daerah Beruas, Perak	Pembaikan sistem pendawaian.
8.	Madrasah Ad-Diniah Ar-Rahmaniah, Tawau, Sabah	Pembaikan sistem pendawaian di bangunan-bangunan yang sedia ada dan pembelian serta pemasangan kelengkapan elektrik seperti lampu dan kipas yang cekap tenaga.
9.	13 buah rumah kampung di daerah Batu Pahat, Johor	Penggantian RCD kendalian voltan kepada RCD kendalian arus serta kerja-kerja pembaikan sistem pendawaian.
10.	Rumah Sejahtera Lelaki di Batu Bertangkup, Chuping, Perlis	Menaiktaraf papan agihan bekalan dan membaiki sistem pendawaian.
11.	Rumah Sejahtera Perempuan di Bohor Mali, Kangar, Perlis	Menaiktaraf papan agihan bekalan dan membaiki sistem pendawaian.
12.	Maahad Tahfiz Al-Raudhah, Utan Aji, Perlis	Menaiktaraf papan agihan bekalan dan membaiki sistem pendawaian.
13.	21 buah rumah kampung di Rancangan Sungai Manila, Sandakan, Sabah	Pembaikan sistem pendawaian elektrik di rumah.
14.	36 buah rumah asnaf di Sipitang, Sabah	Pembaikan sistem pendawaian elektrik di rumah.
15.	27 buah rumah asnaf di Ranau, Sabah	Pembaikan sistem pendawaian elektrik di rumah.
16.	Lapan (8) buah rumah asnaf di Lenggong, Perak	Membantu mendapatkan bekalan elektrik dari utiliti, pembaikan sistem pendawaian elektrik sedia ada di rumah.

Jadual 14.2: Program Seminar, Dialog dan Bengkel, 2020

BIL	TARIKH	TAJUK SEMINAR	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	25/02/2020	Mesyuarat dan Dialog Bersama Kastam Pulau Pinang yang Disertai oleh ST	Pejabat Kastam Penang Port	9
2.	26/02/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas Bersama Pihak Berkuasa Tempatan	Wisma BSN Sabah	18
3.	26/02/2020	Dialog Isu Pembekalan Perkhidmatan dan Keselamatan SESB Telupid	SESB Telupid	4
4.	09/03/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Keselamatan Elektrik Di Talian Atas	Lembaga Pertanian Kemubu (KADA)	100
5.	03/04/2020	Dialog Isu Pembekalan Perkhidmatan dan Keselamatan SESB Sandakan	Pejabat Kawasan ST Pantai Timur Sabah	10
6.	10/07/2020	Dialog Bersama HSE SESB	Pejabat Kawasan ST Pantai Barat Sabah	10
7.	16/07/2020	Dialog dan Perbincangan ST Bersama Kontraktor Elektrik Melaka	Bilik Mesyuarat Gunasama, Menara Persekutuan, MITC Melaka	40
8.	22/07/2020	Mesyuarat Audit Pengurusan Keselamatan Elektrik dan Pematuhan Perlesenan Persendirian 5MW dan Ke Bawah FGV Industries (M) Sdn. Bhd. dan FGV Plantation Sdn. Bhd.	Felda Wilayah Sahabat, Lahad Datu	50
9.	23/07/2020	Dialog dan Perbincangan ST Bersama Jurutera dan Penyelia	Hotel Mudzaffar, MITC, Melaka	40
10.	23/07/2020	Seminar Keselamatan Elektrik, Gas dan Penggunaan Elektrik Secara Cekap Tenaga Bersama Pegawai Polis IPD Petaling dan Komuniti Petaling	Hotel Armada, Petaling Jaya	100
11.	19/07/2020	Seminar Keselamatan Elektrik, Gas dan Penggunaan Elektrik Secara Cekap Tenaga Bersama Komuniti Shah Alam	Hotel De Palma Inn, Shah Alam	100

BIL	TARIKH	TAJUK SEMINAR	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
12.	04/082020 dan 05/08/2020	Taklimat Permatuhan Perundangan Kepada JPS	Institut Pembangunan Modal Insan Zon Utara, JPS, Ipoh	20
13.	25/08/2020	Taklimat Berkaitan Pengurusan Pendaftaran Pepasangan Gas Berpaip Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang	Majlis Perbandaran Bentong	35
14.	13/08/2020	Seminar Keselamatan dan Kecekapan Tenaga	Kg Mempikit Laut, Keningau	50
15.	18/08/2020	Dialog ST Bersama Orang Kompeten yang Melawat dan Memeriksa Pepsangan	Hotel Raia, Kota Kinabalu Sabah	50
16.	09/09/2020	Taklimat Audit Pengurusan Keselamatan Elektrik	Hotel Thistle, Port Dickson	60
17.	29/09/2020	Pemantapan Borang I dan Pengisian Serta Tanggungjawab Jurutera Pelawat dan Penyelia Elektrik	KSL Resort, Johor Bahru	20
18.	24/09/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Kecekapan Tenaga Bersama Warga MPKK Parlimen Kuala Terengganu	Kuala Terengganu	120
19.	10/09/2020	Majlis Penutupan <i>Touchpoint</i> di Pulau Banggi	Kg Kalangkaman, Banggi	50
20.	29/09/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas dan Kecekapan Tenaga	Hotel Hexan, Kota Marudu	23
21.	15/09/2020	Seminar Pengenalan ST dan Keselamatan	Weldan Marine Services Sdn. Bhd.	30
22.	24/09/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas dan Kecekapan Tenaga Bersama Kolej Komuniti Kuantan	Swiss Bel Hotel Kuantan	60
23.	28/09/2020	Seminar Pematuhan ABE Tahun 2020 - Jurutera Pelawat	Impiana Hotel, Ipoh	50

BIL	TARIKH	TAJUK SEMINAR	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
24.	28/09/2020	Seminar Pematuhan ABE Tahun 2020 - Kontraktor	Impiana Hotel, Ipoh	50
25.	01/10/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas Dan Bijak Tenaga Bersama Warga Pendidik Negeri Pahang	Hotel Seri Malaysia Temerloh	40
26.	01/10/2020	Dialog Bersama Jurutera Pelawat Negeri Kelantan dan Terengganu Bersama Suruhanjaya Tenaga	Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu	30
27.	02/10/2020	Tugas dan Kerjaya Orang Kompeten	IKTBN Alor Gajah, Melaka	140
28.	28/10/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Kekompetenan Untuk Pelajar Institusi Tahun 2020	IKBN Jitra, Jitra, Kedah Darul Aman	70
29.	06/11/2020	Seminar Keselamatan Elektrik dan Kekompetenan Untuk Pelajar Intitusi 2020	Institut Kemahiran Tinggi Perda, Nibong Tebal	100
30.	10/12/2020	Taklimat Keselamatan Elektrik Kepada Pelajar dan Tenaga Pengajar Maahad Tahfiz	Maahad Tahfiz Al-Quran Ar-Raudah, Simpang Empat, Kangar, Perlis	50
31.	28/12/2020	Seminar Peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990 ke Atas Skim Strata	Hotel Seri Malaysia Kepala Batas Pulau Pinang	70
32.	30/12/2020	Program Pemeriksaan Pendawaian Perumahan	Lenggong	8 Buah Rumah
33.	30/12/2020	Majlis Penutupan Program <i>Touchpoint</i> ST Pahang Tahun 2020 dan Taklimat Keselamatan Elektrik	Sekolah Menengah Agama Majlis Ulu Cheka, Jerantut	30



7 Jan – Mesyuarat Pembanterasannya Penggunaan Kabel Substandard dalam Sektor Pembinaan

ST bekerjasama dengan pihak industri untuk langkah-langkah pembanterasannya penggunaan kabel *substandard* dalam sektor pembinaan.



13 Feb – Sesi Dialog Antara ST dan IEM Electrical Engineering Technical Division (EETD)

Sesi dialog ini membincangkan hala tuju serta isu-isu berkaitan keselamatan elektrik, kecekapan tenaga dan industri pembekalan elektrik



20 Feb – Pengukuhan *National Emergency Response Plan for Power Sector* bersama Majlis Keselamatan Negara

Pelan ini dibangunkan pada 2016 dan bertujuan untuk memastikan maklumbalas yang segera dan bersesuaian terutamanya ketika berlaku insiden tidak diduga. Pada 2020, pelan ini dikukuhkan lagi dengan mendapatkan input-input penambahbaikan dari Majlis Keselamatan Negara.





25 Feb - Mesyuarat bersama Import Export Branch, Jabatan Kastam Pulau Pinang, North Butterworth Container Terminal (NBCT)

Mesyuarat ini membincangkan isu-isu penguatkuasaan mengimport dan mengeksport kelengkapan elektrik.



10 Mac - Program Touchpoint di Pusat Perkembangan Kanak-kanak Kampung Kalangkaman di Pulau Banggi, Kota Kinabalu

Program *Touchpoint* memberi manfaat kepada penghuni pusat melalui pemasangan pendawaian elektrik dan peranti arus baki yang selamat dan mematuhi keperluan undang-undang.



16 Jul - Siasatan Kes Kemalangan Elektrik bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA)

Sebagai salah satu (1) elemen dalam pembangunan MoU antara ST dan BOMBA, ST juga meneroka kemungkinan untuk kerjasama membangunkan makmal forensik agar siasatan kes kemalangan dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci.





8 Sept - Seminar Updated e-Commerce Regulations for Electrical Appliances

Seminar ini menekankan kerjasama dan komitmen para pengedar dan penjual untuk memastikan hanya kelengkapan elektrik yang mendapat label keselamatan SIRIM-ST sahaja berada di pasaran Malaysia.



23 Sept - ASEAN Electrotechnical Virtual Symposium Exhibition 2020

Bertemakan *Standards Drive Electrotechnical Safety Innovation*, simposium ini mempromosikan jalinan hubungan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN untuk merealisasikan hasrat ke arah komuniti yang dinamik dan mengamalkan prinsip keterbukaan.



1 Okt - Operasi Bitcoin ST Tumpas Kegiatan Penyambungan Secara Haram


Operasi Bersepadu ST yang menyerbu sebuah premis yang dilapor dan disiasat menggunakan elektrik secara curang dalam menjalankan kegiatan melombong Bitcoin.





20 Okt – **IECEx National Virtual Conference**

ST dijemput memberi perkongsian maklumat mengenai kemalangan elektrik dan pelan mitigasi yang menitikberatkan pemasangan elektrik, peranan orang kompeten dan kelengkapan elektrik dari aspek keselamatan elektrik. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ST secara *virtual*.



KECELAKAIAN KONTRAKTOR BINAAN PUNCA BEKALAN ELEKTRIK PUTUS - SESB

KECELAKAIAN yang berlaku pada 22 Mei 2023 di kawasan perumahan di Jalan Puncak Bina, Petaling Jaya, telah mengakibatkan kematian seorang lelaki. Menurut laporan, kejadian berlaku pada pukul 10.30 pagi. Seorang lelaki berusia 45 tahun, yang dikenali sebagai [Nama], meninggal dunia akibat kejatuhan dari ketinggian. Penyelidikan awal menunjukkan bahawa kejadian berlaku kerana bekalan elektrik putus, menyebabkan peralatan elektrik yang sedang digunakan oleh kontraktor itu terlepas dan jatuh. Pihak berkuasa kini sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian ini.

Lelaki terbunuh kena renjatan elektrik

Seorang lelaki berusia 45 tahun meninggal dunia akibat terkena renjatan elektrik semasa bekerja di sebuah bangunan di Jalan Puncak Bina, Petaling Jaya. Menurut laporan, kejadian berlaku pada 22 Mei 2023. Lelaki itu, yang dikenali sebagai [Nama], sedang bekerja sebagai kontraktor. Beliau meninggal dunia akibat kejatuhan dari ketinggian selepas bekalan elektrik putus, menyebabkan peralatan elektrik yang sedang digunakan oleh kontraktor itu terlepas dan jatuh. Pihak berkuasa kini sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian ini.



Lelaki maut terkena renjatan elektrik

Seorang lelaki berusia 45 tahun meninggal dunia akibat terkena renjatan elektrik semasa bekerja di sebuah bangunan di Jalan Puncak Bina, Petaling Jaya. Menurut laporan, kejadian berlaku pada 22 Mei 2023. Lelaki itu, yang dikenali sebagai [Nama], sedang bekerja sebagai kontraktor. Beliau meninggal dunia akibat kejatuhan dari ketinggian selepas bekalan elektrik putus, menyebabkan peralatan elektrik yang sedang digunakan oleh kontraktor itu terlepas dan jatuh. Pihak berkuasa kini sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian ini.



Kejadian berlaku semasa kontraktor bekerja

Kejadian berlaku semasa kontraktor bekerja di sebuah bangunan di Jalan Puncak Bina, Petaling Jaya. Menurut laporan, kejadian berlaku pada 22 Mei 2023. Lelaki itu, yang dikenali sebagai [Nama], sedang bekerja sebagai kontraktor. Beliau meninggal dunia akibat kejatuhan dari ketinggian selepas bekalan elektrik putus, menyebabkan peralatan elektrik yang sedang digunakan oleh kontraktor itu terlepas dan jatuh. Pihak berkuasa kini sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian ini.



Kejadian berlaku semasa kontraktor bekerja

Kejadian berlaku semasa kontraktor bekerja di sebuah bangunan di Jalan Puncak Bina, Petaling Jaya. Menurut laporan, kejadian berlaku pada 22 Mei 2023. Lelaki itu, yang dikenali sebagai [Nama], sedang bekerja sebagai kontraktor. Beliau meninggal dunia akibat kejatuhan dari ketinggian selepas bekalan elektrik putus, menyebabkan peralatan elektrik yang sedang digunakan oleh kontraktor itu terlepas dan jatuh. Pihak berkuasa kini sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian ini.



Illegal power disconnection exercise at Tawana village



Dua terkorban pasang kabel



Lelaki maut terkena renjatan elektrik



Kejadian berlaku semasa kontraktor bekerja

[illegible][illegible][illegible][illegible][illegible]



23 Jun - Temu bual SURIA FM berkaitan Keselamatan Elektrik di Rumah dimana ST berkongsi tiga (3) punca utama kemalangan elektrik iaitu pemasangan dan senggaraan yang tidak sempurna, kecacatan pada kelengkapan elektrik dan salah guna sistem pendawaian elektrik melibatkan pemasangan pagar elektrik yang tidak mengikut standard dan tidak mendapat kelulusan ST.

24 Jun - Temu bual di saluran radio BERNAMA bersama ST mengenai Keselamatan Elektrik Di Rumah yang turut disiarkan secara langsung di laman Facebook radio berkenaan.



30 Julai - Temu bual ST mengenai Kelengkapan Elektrik Yang Selamat di saluran BERNAMA Radio.

27 Julai - Temu bual ST bersama TNB mengenai Meter Pintar di rancangan Agenda Awani yang disiarkan di saluran Astro Awani



25 Ogos - Dalam temu bual di saluran BERNAMA Radio, ST menekankan 34 kategori kelengkapan elektrik yang perlu mematuhi penandaan label keselamatan yang ditetapkan samada secara label SIRIM-ST atau *embossing* pada kelengkapan itu sendiri.



21 Disember - Temu bual ST di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di saluran TV1 mengenai topik Keselamatan Elektrik.



28 Disember - Temu bual ST di BERNAMA Radio bagi membicarakan tentang Keselamatan Elektrik dan Gas Di Musim Cuti.

21 Disember - Temu bual ST mengenai topik Keselamatan Elektrik Di Musim Banjir di saluran BERNAMA Radio.

Aktiviti Penguatkuasaan Penggunaan Elektrik Secara Curang

Pada 2020, sebanyak 18 operasi membanteras penggunaan elektrik secara curang, atau lebih dikenali sebagai “curi elektrik” yang melibatkan pelbagai agensi telah dilaksanakan mengikut prosidur operasi standard (SOP) dalam tempoh Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) yang dibenarkan.

Jadual 14.3: Senarai Operasi Penggunaan Elektrik Secara Curang, 2020

BIL	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH KEJANGGALAN
1.	13 Januari 2020	Bandar Kinrara, Puchong, Selangor	Sambungan terus dari terminal <i>incoming</i> TNB dari pemilik jiran sebelah rumah.
2.	11 Februari 2020	Taman Perindustrian Kinrara, Puchong, Selangor	Sambungan haram yang diambil dari feeder pillar milik TNB (LVDB TX2 PE JLN TPK 2/8 PCHG RAYA IND PARK F5 F6) ke premis 65A.
3.	20 Februari 2020	Operasi Bersepadu di Tawau, Sabah	Sambungan haram dari bekalan SESB.
4.	01 Julai 2020	Perumahan Paya 3, Kuantan, Pahang	Sambungan terus dari wayar servis kaki lima di hadapan premis.
5.	08 Julai 2020	Kota Bayu Mas, Pandamaran, Pelabuhan Klang, Selangor	Sambungan terus dari wayar servis TNB.
6.	08 Julai 2020	Kota Bayu Mas, Pandamaran, Pelabuhan Klang, Selangor	Sambungan terus dari <i>Isolater Box</i> .
7.	16 Julai 2020	Taman Perindustrian Sri Pelentong, Masai, Johor	Tiada kes.
8.	20 Julai 2020	Operasi bersepadu di negeri Melaka	Sambungan haram dari bekalan TNB.
9.	04 Ogos 2020	Jalan Tuaran, Karamunsing, Sabah	Operasi dihentikan atas faktor keselamatan (Tiada Kes).
10.	05 Ogos 2020	Jalan Kolam Luyang, Kota Kinabalu, Sabah	Fius <i>link</i> di dalam meter bagi fasa merah dan kuning telah diusik.
11.	05 Ogos 2020	Lorong Inanam Kapital, Inanam Kapital, Kota Kinabalu, Sabah	Usikan dengan melakukan <i>bypass</i> dengan cara <i>switching</i> .

BIL	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH KEJANGGALAN
12.	06 Ogos 2020	Jalan Keningau Kimanis, Keningau, Sabah	Usikan bypass pada terminal masuk dan keluar fasa merah serta usikan pada <i>link</i> pada fasa kuning.
13.	06 Ogos 2020	Jalan Nawaban, Keningau, Sabah	<i>Bypass</i> pada <i>armoured cable</i> fasa merah dengan menggunakan suis.
14.	12 Ogos 2020	Bandar Sunsuria, Sepang, Selangor	Sambungan terus diambil dari <i>isolater</i> .
15.	12 Ogos 2020	Bandar Sunsuria, Sepang, Selangor	Sambungan terus diambil dari <i>isolater</i> premis 19 dan premis 17.
16.	28 Ogos 2020	Dua (2) premis komersial di Horizon Hills, Iskandar Puteri, Johor	Sambungan haram yang diambil dari kabel TNB bawah tanah yang berada di hadapan pintu masuk premis.
17.	18 September 2020	Dua (2) premis komersial di kawasan perniagaan Arowana, Seberang Jaya, Pulau Pinang	Sambungan haram yang diambil dari wayar servis kaki lima TNB.
18.	01 Oktober 2020	Taman Perindustrian Kinrara, Puchong, Selangor	Sambungan haram dari <i>incoming cable</i> bawah tanah antara <i>feeder pillar</i> dan meter.



Gambar 14.12: Operasi Penguatkuasaan Penggunaan Elektrik Secara Curang di Johor.



Gambar 14.13: Operasi Penguatkuasaan Penggunaan Elektrik Secara Curang di Selangor.



Gambar 14.14: Operasi Penguatkuasaan Penggunaan Elektrik Secara Curang di Pahang.



Gambar 14.15: Penguatkuasaan Penguatkuasaan Penggunaan Elektrik Secara Curang di Pulau Pinang.



Gambar 14.16: Penguatkuasaan Penguatkuasaan Penggunaan Elektrik Secara Curang di Sabah.



15

GLOSARI

BM	Akademi Binaan Malaysia
IKM	Institut Kemahiran MARA
ILP	Institut Latihan Perindustrian
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
INSTEP	Institut Teknologi Petroleum Petronas
INPENS	INPENS International College
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
KKBNP	Kolej Kemahiran Belia Negara Pontian
AKYBK	Akademi Kemahiran Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
UNIKL-BMI	Universiti Kuala Lumpur – British Malaysia Institute
KYM	Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka
ILSAS	Integrated Learning Solution Sdn. Bhd.
PUSPATRI	Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor
KISMEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman
TESDEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri erengganu
IKB	Institut Kemahiran Baitulmal
KKJ	Kolej Komuniti Jelevu
ILTP	Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan
KKK	Kolej Komuniti Kuantan
PSDC	Pahang Skills Development Centre
PGM	GIATMARA Malaysia
KAYM	Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
ITYNS	Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan
KK	Kolej Komuniti
Pahang Skills	Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang
PERDA-TECH	Institut Kemahiran Tinggi Perda
PSDC	Penang Skills Development Centre
KYS	Kolej Yayasan Sabah
KKYPJ	Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor
WIT	Kolej WIT Sdn. Bhd.
JEK	Jurutera Elektrik Kompeten
JPE	Jurutera Perkhidmatan Elektrik
PE	Penyelia Elektrik
PJ	Penjaga Jentera
PJ THD	Penjaga Jentera Terhad
PK	Pencantum Kabel

PK1	Pencantum Kabel Tahap 1 (1kV)
PK2	Pencantum Kabel Tahap 2 (11kV)
PK3	Pencantum Kabel Tahap 3 (22kV), Pencantum Kabel Tahap 4 (33kV)
PK THD	Pencantum Kabel Terhad
PW	Pendawai
PW2	Pendawai Fasa Tunggal Dengan Endorsan
PW4	Pendawai Fasa Tiga (3) Dengan Endorsan
A0	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa)
A1	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa)
A4	Sistem Voltan Rendah
B0	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen JanakuasaVol- tan Melebihi Voltan Rendah)
B1	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa Voltan Melebihi Voltan Rendah)
B4	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah
ECOS	Energy Commission Online System
TAVT	Talian Atas Voltan Tinggi
TAVR	Talian Atas Voltan Rendah
PT	Part Time
FT	Full Time
PSU	Papan Suis Utama
JKVRP	Janakuasa Voltan Rendah Penyegerakkan
JKVTP	Janakuasa Voltan Tinggi Penyegerakkan
AMR	Amalan Merentang Kabel
KMVR	Kawalan Motor Voltan Rendah
ST	Suruhanjaya Tenaga
KP	Kendalian Pencawang
PAB	Peranti Arus Baki
CoA	Certificate of Approval
CoR	Certificate of Registration
ACEM	The Association of Consulting Engineers Malaysia
APLAC	Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation
CIDB	Construction Industry Development Board
ILAC	International Laboratory Accreditation Cooperation
ILAC MRA	The ILAC Mutual Recognition Arrangement
JKR	Jabatan Kerja Raya
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
MEADA	Malaysian Electrical Appliances Distributions Association
SIRIM	Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia

TEEAM	The Electrical and Electronics Association of Malaysia
IEM	The Institution of Engineers Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
SESB	Sabah Electricity Sdn Bhd
EEMRA	Electrical & Electronic Mutual Recognition Agreement
QR Code	Quick Response Code
AOTS	The Association of Overseas Technical Cooperation and Sustainable Partnerships
NITE	National Institute of Technology & Evaluation
XLPE	Cross-linked Polyethylene



16

MAKLUMAT PERHUBUNGAN SURUHANJAYA TENAGA

IBU PEJABAT

Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia

T: (603) 8870 8500

F: (603) 8888 8637

www.st.gov.my

PEJABAT KAWASAN	ALAMAT	NOMBOR PERHUBUNGAN
Pulau Pinang, Kedah & Perlis	Tingkat 10, Bangunan KWSP 13700, Seberang Jaya, Butterworth PULAU PINANG	T: 04 398 8255 F: 04 390 0255
Perak	Tingkat 1, Bangunan KWSP Jalan Greentown 30450 Ipoh PERAK	T: 05 253 5413 F: 05 255 3525
Kelantan & Terengganu	Tingkat 6, Bangunan KWSP Jalan Padang Garong 15000 Kota Bharu KELANTAN	T: 09 748 7390 F: 09 744 5498
Pahang	Tingkat 7, Menara Zenith Jalan Putra Square 6 25000 Kuantan PAHANG	T: 09 514 2803 F: 09 514 2804
Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya	Tingkat 10, Menara PKNS No 17, Jalan Yong Shook Lin 46050 Petaling Jaya SELANGOR	T: 03 7955 8930 F: 03 7955 8939
Johor	Suite 18A, Aras 18 Menara ANSAR 65, Jalan Trus 80000 Johor Bahru JOHOR	T: 07 224 8861 F: 07 224 9410
Negeri Sembilan & Melaka	Tingkat 3, Wisma Perkeso Jalan Persekutuan, MITC 75450 Ayer Keroh MELAKA	T: 06 231 9594 F: 06 231-9620
Labuan	Beroperasi dari Pejabat Kawasan berikut mulai 1 Januari 2024 sehingga dimaklumkan kelak: Tingkat 3, Wisma PERKESO Jalan Persekutuan, MITC 75450 Ayer Keroh MELAKA	T: 06 - 231 9594 F: 06 - 231 9620



SURUHANJAYA TENAGA (*ENERGY COMMISSION*)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,

62100 Putrajaya, Malaysia.



(603) 8870 8500



(603) 8888 8637



www.st.gov.my